

**SPR Bidas Pembangkang Sengaja Bangkit Isu Undi Pos  
Bernama  
23 Mac, 2012**

KUALA LUMPUR, 23 Mac (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Jumaat membidas pembangkang yang sengaja membangkitkan isu berkaitan undi pos di kalangan petugas suruhanjaya itu.

Timbalan Pengerusinya Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata SPR sejak dari dahulu lagi menggalakkan petugasnya mengundi secara pos untuk memastikan perjalanan proses pengundian ketika pilihan raya tidak terganggu.

"Kalau mereka ini mengundi secara biasa, siapa yang akan menggantikan mereka yang nak koyakkan kertas undi, calit dakwat ini siapa yang nak buat.

"Sebab itu, di bawah peraturan pengundian pos 2003 SPR, mereka ini dibolehkan (mengundi secara pos). Saya hairan kenapa isu ini berbangkit sedangkan inilah amalan SPR selama ini dalam mana-mana pilihan raya dan kita membuat mengikut peraturan yang sedia ada," katanya ketika dihubungi Bernama di sini.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Ketua Penerangan Dewan Pemuda PAS Riduan Mohd Nor semalam bahawa SPR sepatutnya mengehendkan petugasnya sebagai pengundi pos agar tidak mengganggu sebarang keputusan di mana-mana peti undi.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654466>